

JUMAAT, 27 SEPTEMBER 2019

BH

Nasional



Al-Sultan Abdullah lawat UPNM

Yang di-Pertuan Agong, Al-Sultan Abdullah Ri'ayatuddin Al-Mustafa Billah Shah berkenan melawat Universiti Pertahanan Nasional Malaysia (UPNM) di Sungai Besi, Kuala Lumpur, semalam. Keberangkatan baginda disambut Menteri Pendidikan, Dr Maszlee Malik; Ketua Setiausaha Kementerian Pertahanan, Datuk Seri Mohd Zuki Ali; Naib Canselor UPNM, Leftenan Jeneral Datuk Abdul Halim Jalal serta Ahli Lembaga Pengarah dan pengurusan tertinggi UPNM. Ini lawatan kali pertama baginda yang juga Canselor UPNM ke universiti berkenaan. Seri Paduka melawat Bangunan Canselori, menandatangani buku pelawat serta bergambar bersama pengurusan universiti sebelum menghadiri sesi taklimat hampir sejam disampaikan Abdul Halim. Baginda kemudian ke Pusat Maritim UPNM, dibawa melihat simulatur kapal dan melawat pameran pencapaian universiti terbabit, termasuk produk penyelidikan akademik dan pelajar, selain meluangkan masa beramah mesra dengan warga universiti berkenaan.

(Foto BERNAMA)